

28.6.2021_Harakah Daily_MOSTI_PPV pandu lalu pertama di Terengganu

PPV pandu lalu pertama di Terengganu

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

HULU TERENGGANU: Kerajaan Terengganu berpuas hati dengan sambutan dan penguasaan negeri dalam mengendalikan urusan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di daerah Hulu Terengganu.

Menteri Besarnya, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, sambutan orang ramai terhadap PPV Hulu Terengganu ini cukup baik meskipun sebelum ini ada sedikit keraguan.

Katanya, setelah dibuka PPV sambutan orang ramai semakin bertambah kerana telah ada pihak yang memulakan.

Menurutnya, jika jadual bekalan vaksin berjalan lancar dalam tempoh dua bulan lebih lagi negeri ini boleh mencapai 80 peratus imuniti Berkelompok.

"Alhamdulillah, apa yang disebut oleh Pengarah Kesihatan dan petugas (vaksinasi) di sini, sambutannya sangat baik. Memang pada peringkat awal dahulu ada kebimbangan apabila kadar pendaftarannya kurang.

"Ini apabila masing-masing sudah ada yang bermula (sun-



Dr Samsuri Mokhtar menyaksikan petugas kesihatan membuat suntikan pandu lalu kepada penerima vaksin dos kedua.

tikan), memberi 'respon' yang positif. Alhamdulillah, tidak ada yang dibazirkan," ujarnya selepas melawat PPV Pandu Lalu Dewan Sivik, Marang, pada Khamis.

Hadir sama menyaksikan, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Dakwah dan Penerangan negeri, Ustaz Mohd Nor Hamzah dan Pegawai Daerah Marang, Tun Ahmad Faisal Tun Abdul Razak.

Dr Samsuri berkata, beliau mendapat jaminan Menteri

sainsi di negeri Terengganu," jelasnya.

Sehubungan itu, ketika ditanya adakah cadangan kerajaan berbentuk insentif bagi menggalakkan penyertaan vaksinasi, katanya akan dibincang dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu.

"Itu satu cadangan yang baik dan Insha Allah, saya akan bincang. Terima kasih atas cadangan itu.

"Saya tahu ada tempat di negeri lain, satu kawasan Parlimen, dia buat suatu kempen

dalam masa yang singkat, siapa yang datang akan diberi sesuatu kepada penerima (vaksin).

"Ini mungkin kita boleh buat kepada komuniti (JPKK) yang terlibat membantu. Insha Allah, saya akan bincang dengan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Terengganu," ujarnya.

Menurut Dr Samsuri, PPV Pandu Lalu Marang merupakan yang pertama dilaksanakan di negeri ini bagi penerima suntikan dos kedua sahaja.



Dr Samsuri menyantuni warga emas yang sedang menunggu giliran untuk disuntik vaksin.